

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan untuk memberikan penyelesaian kepada permasalahan para pemandu *P-Hailing* yang dibangkitkan berkenaan kadar bayaran upah baharu yang mengalami penurunan drastik, sedangkan permintaan perkhidmatan *P-Hailing* ini tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, kadar bayaran upah perkhidmatan *p-hailing* pada masa ini tidak dikawalselia oleh Kerajaan kerana konsep perkhidmatan tersebut jatuh di bawah sektor gig ekonomi yang fleksibel dan kaedah bagi menetapkan kadar upah yang diperolehi adalah ditentukan oleh syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan *P-Hailing* Operator (PHO) berdasarkan model perniagaan masing-masing.
2. Pada dasarnya, mekanisma bagi menentukan kadar upah tersebut adalah secara dinamik dan boleh berubah mengikut komponen pembolehubah seperti kesesakan trafik, cuaca, jarak, masa, jumlah permintaan dan jumlah penawaran yang ditetapkan di peringkat aliran pasaran.
3. Namun, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, susulan kelulusan pewartaan pindaan Akta 715 (Pindaan 2023) pada 16 Jun 2023 dan tarikh kuatkuasa Akta tersebut pada 15 Oktober 2023 yang lalu, Kementerian ini sedang merangka dan membangunkan peraturan dan syarat pengawalseliaan perkhidmatan *p-hailing* bagi tujuan memastikan pelaksanaan perkhidmatan *p-hailing* ini kelak dilaksanakan dengan mengambilkira kepentingan semua pihak yang terlibat termasuklah syarikat-syarikat penyedia dan rakan penghantar perkhidmatan *p-hailing*.

Sekian, terima kasih.